

Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Ilmu Faraid

Ajmain Bin Safar & Halimatul Ashiken Binti Othman
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Ilmu faraid adalah antara ilmu pertama yang akan diangkat oleh Allah dari diri manusia. Ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu ini. Berikutan sikap tidak mengambil berat umat Islam sekarang membuatkan ilmu tersebut hilang ditelan zaman sehingga kini muncul perselisihan berkenaan dengannya, malahan terdapat segolongan yang meragui keadilan Allah seperti pertikaian hak lelaki dua kali ganda dari hak wanita. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan responden terhadap ilmu faraid, mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap ilmu faraid dan mengenal pasti persepsi responden berkaitan kepentingan ilmu faraid dalam kehidupan. Responden kajian ini adalah pelajar tahun dua kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM sesi 2007/2008. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang dibina sendiri dan terdiri daripada 32 item soalan. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = .69$. Walau bagaimanapun penyelidik telah membuat penambahbaikan untuk meningkatkan kebolehpercayaan alat kajian ini. Penyelidik telah menggunakan perisian Statistical Package for Social Science versi 12.0 (SPSS) untuk menganalisis data mentah bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan, persepsi responden berkaitan kepentingan ilmu faraid dan tahap pengetahuan responden terhadap ilmu faraid berada pada tahap yang tinggi. Manakala tahap kefahaman responden terhadap ilmu faraid berada pada tahap sederhana. Di akhir kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman di kalangan pelajar mahupun masyarakat. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Abstract: Islamic Law of Inheritance ('ilm faraid) is among the first discipline to be deprived by God from every single human. This shows how important the knowledge is. Lack of concern attitude among Muslims nowadays, may gradually lead to the lost of this knowledge until it creates conflicts and doubt in God's justice by disputing rights between gender. This study was conducted to identify respondents' level of knowledge and comprehension concerning Islamic Law of Inheritance and also to identify respondents' perception relating to the importance of Islamic Law of Inheritance in life. The study involved respondents from the second year of Bachelor of Science with Education (Islamic Studies), UTM session 2007/2008. The research instrument used was questionnaire that comprised of 32 items, which was constructed by the researcher. Reliability value of research tool was $\alpha = .69$. However the researcher had made improvement in research tool reliability. Researcher used Statistical Package for Social Science version 12.0 (SPSS) software to analyse raw data to get the frequency, percentage and mean. The research findings showed that respondents' perception relating to the importance of Islamic Law of Inheritance and respondents' knowledge on faraid was at high level. While respondents' level of understanding Islamic Law of Inheritance was at average level. At the end of this study, several proposals had been proposed to increase the level of knowledge and understanding of Islamic Law of Inheritance among the students as well as society. Further research also had been proposed for the future.

Katakunci: : Ilmu faraid, Persepsi Pelajar

Pengenalan

Ilmu faraid mampu mengatur umat Islam bagi melaksanakan pelbagai aktiviti keduniaan dengan tidak melupakan bahagiannya di hari akhirat dan sebaliknya. Manusia sewajarnya bekerja untuk meningkatkan kesejahteraan hidup di dunia tanpa memikirkan soal ajal, umat Islam akan dapat menumpukan sepenuh

perhatian kepada kerja yang dilakukan. Begitu juga, dalam usaha untuk meningkatkan amal ibadat untuk bekalan akhirat. Dengan memikirkan kematian yang semakin hampir, pasti akan menjadi motivasi bagi umat Islam untuk beribadat dengan penuh khushyuk dan keikhlasan kepada Allah. Apabila perkara ini tersemat dalam peribadi individu Muslim, maka dengan mudah kadar ketaqwaan umat Islam akan sentiasa meningkat dan terpelihara. Akhirnya, keadaan ketaqwaan umat yang tidak meragukan pasti menjamin peningkatan kesejahteraan umat manusia.

Pernyataan Masalah

Masyarakat Islam sekarang lebih gemar berlumba-lumba mengumpul harta kekayaan dunia. Kebanyakan mereka tidak membuat persiapan awal sebelum meninggal dunia seperti pembahagian harta agar kehidupan keluarga yang ditinggalkan tidak mengalami kesulitan. Sehubungan itu, disebabkan ketidakfahaman dan ketidakjelasan tentang ilmu faraid timbullah pelbagai kemungkinan seperti perselisihan dan permusuhan di antara saudara-saudara dan ahli-ahli waris. Pun begitu terdapat perselisihan dan permusuhan sehingga membawa kepada permusuhan seumur hidup.

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap pengetahuan, kefahaman dan persepsi pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) tahun dua, berkenaan ilmu faraid memandangkan setiap pelajar bakal berdepan dengan masyarakat sebagai pendidik. Masyarakat pasti akan mencari para ilmunan untuk dijadikan tempat rujukan. Sungguhpun begitu, menjadi tanggungjawab pendidik untuk memberi tunjuk ajar dan panduan supaya kehidupan lebih sempurna.

Objektif Kajian

Fokus utama dalam kajian ini:

- 1 Mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu faraid.
- 2 Mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap ilmu faraid.
- 3 Mengetahui tahap persepsi pelajar berkaitan kepentingan ilmu faraid dalam kehidupan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada beberapa pihak yang terlibat seperti:

Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Dapat bekerjasama dengan JAKIM dalam memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai pembahagian harta pusaka mengikut hukum faraid. Hal ini kerana harta mempunyai hubungan dengan keadaan manusia selepas kematiannya. Justeru itu, supaya pihak JAKIM dapat melahirkan pakar rujukan yang mampu menjadi sumber rujukan oleh masyarakat luar, di samping dapat meringankan masalah negara berkenaan pemilikan harta dan status ekonomi bangsa Melayu amnya serta umat Islam khususnya.

Jabatan Agama Negeri-Negeri

Hasil kajian dapat digunakan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat melalui bidang kuasa Jabatan Agama Negeri. Hal ini kerana Jabatan Agama Negeri berkeupayaan menyebarkan maklumat kepada masyarakat seperti mengadakan ceramah atau kursus-kursus tertentu.

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS)

Dapat mengembangkan ilmu pengetahuan berkenaan ilmu faraid melalui penambahan silibus untuk ilmu ini. Sehubungan itu, pihak PPIPS juga diharap dapat menyediakan tenaga pengajar yang mahir dalam bidang ilmu faraid untuk memberi penekanan kepada pelajar Pengajian Islam khususnya, supaya ilmu ini tidak terus dilupakan.

Pelajar

Dapat membuka minda pelajar untuk mengetahui betapa pentingnya mempelajari dan mendalami ilmu faraid iaitu ilmu yang dituntut dalam Islam.

Batasan Kajian

Kajian dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Kajian hanya dijalankan ke atas pelajar tahun dua Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), sesi 2007/2008.

Kajian hanya memfokuskan kepada tiga aspek sahaja iaitu pengetahuan, kefahaman dan persepsi pelajar bagi kepentingan yang terdapat pada ilmu faraid.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), populasi kajian adalah semua ahli dalam kelompok kajian. Populasi dan sampel bagi kajian ini terdiri daripada semua pelajar tahun dua kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Skudai yang mengikuti pengajian sepenuh masa sesi 2007/2008. Jumlah populasi dalam kajian adalah seramai 41 orang pelajar. Oleh itu keseluruhan populasi menjadi responden. Pun begitu sebanyak 41 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden namun hanya 34 borang sahaja yang dikembalikan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Dalam kajian ini penyelidik telah memilih instrumen kajian yang berbentuk soal selidik. Penyelidik merasakan penggunaan soal selidik menepati sebagai kaedah untuk mendapatkan data kajian disebabkan kaedah ini mudah untuk dikendalikan dan mudah untuk mendapatkan kerjasama responden. Responden bebas memilih jawapan tanpa rasa segan dan bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian A dan B. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang dibina oleh penyelidik sendiri.

Bahagian A

Bahagian ini dikategorikan sebagai data nominal. Ia mengandungi soalan jenis jawapan terpilih yang terdiri daripada soalan-soalan berkaitan dengan maklumat latar belakang responden. Terdapat tiga soalan bagi bahagian ini iaitu jantina, aliran pendidikan dan kelulusan terakhir.

Bahagian B

Bahagian ini penyelidik menggunakan skala likert yang membolehkan responden memilih jawapan berdasarkan lima skala persetujuan. Bahagian ini mengandungi sebanyak 32 soalan yang dibahagikan kepada tiga skop berdasarkan persoalan kajian iaitu mengenai tahap pengetahuan pelajar dalam bidang ilmu faraid, tahap kefahaman pelajar dalam ilmu faraid dan persepsi pelajar berkenaan kepentingan ilmu faraid dalam kehidupan. Berikut adalah pengkelasan itemitem yang telah dibina oleh penyelidik berdasarkan persoalan kajian:

Jadual 1: Jadual Pembentukan Ujian Berdasarkan Objektif Kajian

1) Menenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu faraid.

Bil	Tema	No. Soalan
1	Konsep Ilmu Faraid	1, 2, 3, 4
2	Sebab-Sebab Pembahagian Harta	5, 6, 7
3	Penentuan Ahli Waris	8, 9, 10

2) Menenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap ilmu faraid.

Bil	Tema	No. Soalan
1	Pentadbiran Harta Pusaka Selain Faraid	11, 12, 13, 14
2	Halangan Dalam Ilmu Faraid	15, 16, 17, 18
3	Pembahagian Harta Pusaka Berdasarkan Faraid	19, 20, 21, 22, 23

3) Menenal pasti persepsi pelajar berkaitan kepentingan ilmu faraid dalam kehidupan.

Bil	Tema	No. Soalan
1	Aspek Keluarga	24, 25, 26, 27
2	Kedudukan Ilmu Faraid	28, 29, 30
3	Aspek Negara	31, 32

Jadual 2: Jadual Ujian Soal Selidik

PERSOALAN KAJIAN	ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF
Sejauh manakah tahap pengetahuan pelajar dalam bidang ilmu faraid?	1,2,4,6,7, 8,9,10	3,5
Sejauh manakah tahap kefahaman pelajar dalam ilmu faraid?	11,12,13,14, 17,19,21,22,23	15,16,20
Apakah persepsi pelajar berkenaan kepentingan ilmu faraid?	24,25,26,27,28, 29,30,31,32	

Kajian Rintis

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis. Tujuan kajian rintis adalah untuk mengetahui kebolehpercayaan dan keesahan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Menurut Sidek Mohd Noah (2002) sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza.

Kajian rintis ini dijalankan ke atas 10 orang pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) tahun tiga iaitu 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan yang tidak terlibat dalam kajian sebenar telah dipilih secara rawak bebas untuk mendapat maklum balas terhadap soal selidik yang telah dibina. Hasil kajian rintis telah mencapai tahap kebolehpercayaan iaitu 0.69. Hal ini telah dinyatakan oleh Mohd. Majid Konting (1990) bahawa pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Walau bagaimanapun, penyelidik telah membuat sedikit pengubahsuaian dan penambahbaikan ke atas soal selidik.

Keputusan

Rumusan di dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada analisis data bagi bahagian B. Min keseluruhan dapat diterangkan seperti berikut bagi keseluruhan konstruk item:

Jadual 3: Nilai min bagi keseluruhan objektif

Bil	Perkara	Nilai Min
1	Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu faraid.	4.22
2	Mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap ilmu faraid.	3.53
3	Mengenal pasti persepsi pelajar berkaitan kepentingan ilmu faraid.	4.55
	Min Keseluruhan	4.10

Berdasarkan jadual 3, min keseluruhan bagi objektif kajian yang dibina ialah 4.10. Objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu faraid mencatatkan min keseluruhan iaitu sebanyak 4.22. Namun begitu bagi objektif kajian yang kedua iaitu untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap ilmu faraid mencatatkan min keseluruhan sebanyak 3.53. Walau bagaimanapun bagi objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengetahui persepsi pelajar berkaitan kepentingan ilmu faraid mencatatkan min keseluruhan sebanyak 4.55.

Perbincangan

Bahagian A: Perbincangan Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan pelajar tahun dua kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) di UTM. Jumlah responden adalah seramai 34 orang yang terdiri daripada 38.2% orang pelajar lelaki dan sebanyak 61.8% orang pelajar perempuan. Dapatan menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki. Responden dalam kajian hanya mewakili keseluruhan pelajar-pelajar tahun dua kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) di UTM, Skudai. Antara sebab responden perempuan lebih ramai dari responden lelaki ialah pengambilan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki bagi sesi kemasukan tersebut.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden berlatarbelakangkan dari aliran pendidikan Sekolah Menengah Agama (Negeri) iaitu sebanyak 52.9%. Ini diikuti daripada aliran pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sebanyak 17.6%. Oleh itu, dapatan menunjukkan majoriti responden adalah daripada aliran sekolah agama sebelum memasuki universiti. Ini dikukuhkan lagi apabila majority responden bagi kajian ini adalah pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) iaitu sebanyak 61.8% sebelum melanjutkan pelajaran di UTM. Justeru, penyelidik difahamkan bahawa asas ilmu faraid terdapat dalam silibus pelajaran Syariah Islamiah khususnya pelajar yang mengambil STAM lebih terperinci. Oleh yang demikian, ini adalah antara sebab utama kenapa penyelidik memilih pelajar tahun dua kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM sebagai responden.

Bahagian B1 : Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Ilmu Faraid.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis, majoriti responden mengetahui ilmu faraid. Kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan yang telah diajukan. Min keseluruhan bagi persoalan pertama adalah 4.22 yang berada pada tahap yang tinggi.

Analisis mendapati kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka mengetahui konsep ilmu faraid yang terdiri dari maksud faraid serta sumber ilmu faraid dengan min sebanyak 4.22. Min bagi kenyataan ini berada pada tahap yang tinggi. Pun begitu, terdapat segelintir responden yang tidak berkeyakinan bahawa sumber pelaksanaan sistem faraid adalah dari pelbagai aspek iaitu al-Quran, Sunnah serta *ijmak ulama'* bukan hanya dari al-Quran sahaja. Hal ini berdasarkan dapatan bagi item ini adalah paling rendah bagi tema ini iaitu 3.79. Pernyataan bahawa sumber pelaksanaan system faraid adalah dari pelbagai sudut iaitu al-Quran, Sunnah dan *ijmak ulama'* ini bertepatan dengan pendapat Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji (2005).

Selain itu, majoriti bersetuju bahawa ilmu faraid adalah gabungan tiga ilmu iaitu ilmu fatwa, ilmu nasab dan ilmu matematik yang menunjukkan min bagi item ini ialah 3.94. Hal ini dikukuhkan dari Wan Abdul Halim Wan Harun (2006) bahawa ilmu faraid adalah kombinasi daripada tiga ilmu yang disatukan iaitu ilmu nasab, ilmu fatwa dan ilmu matematik.

Terdapat beberapa sebab pembahagian harta antaranya perkahwinan yang sah walaupun ketika *iddah* talak *raj'ie* dengan min persetujuan berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.30. Dapatan ini bertepatan dengan pernyataan Abdul Kadir bin Ismail (1983) bahawa pusaka berlaku antara suami dan isteri jika salah seorang daripadanya meninggal dalam *iddah* talak *raj'ie*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden masih ragu-ragu tentang pernyataan berkenaan syarat-syarat pembahagian harta iaitu harta seseorang boleh dibahagikan walaupun kematiannya belum dipastikan. Min bagi pernyataan ini ialah 3.65 yang berada pada tahap sederhana. Pada hakikatnya harta seseorang tidak boleh dibahagikan walaupun kematiannya belum dipastikan lagi, ini bertepatan dengan pandangan Wan Abdul Halim Wan Harun (2006).

Di samping itu, responden mengetahui bahawa penentuan ahli waris terbahagi kepada dua bahagian iaitu ahli waris *ashab al-Furud* dan ahli waris *'asabah* seperti mana yang dinyatakan oleh Mohd Nasran Mohamad (2002) bahawa undang-undang pusaka Islam membahagikan ahli-ahli waris kepada dua bahagian, iaitu ahli waris *ashab al-Furud* dan ahli waris *'asabah*. Analisis mendapati majoriti responden bersetuju dengan min sebanyak 4.15. Di samping itu, responden mengetahui bahawa ahli waris *ashab al-Furud* adalah ahli waris yang telah ditetapkan dalam al-Quran serta al-Sunnah dan *'asabah* adalah ahli waris yang mendapat lebihan dari harta si mati.

Keseluruhannya, aspek pengetahuan pelajar terhadap ilmu faraid adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis mendapati majoriti responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan. Namun begitu,

masih terdapat pelajar yang ragu-ragu berkenaan sumber ilmu faraid sama ada bersumberkan dari al-Quran sahaja ataupun bersama dengan Sunnah dan *ijmak ulama'*.

Bahagian B2 : Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Ilmu Faraid.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis kebanyakan responden kurang faham terhadap ilmu faraid. Min keseluruhan bagi persoalan kedua ialah 3.53 di mana berada pada tahap yang sederhana.

Kefahaman pelajar mengenai perbezaan antara pentadbiran harta pusaka dari segi faraid dengan pentadbiran harta selain faraid perlu dititik beratkan supaya tidak terkeliru. Walaupun majoriti responden bersetuju dengan item yang diajukan, masih terdapat segelintir responden yang masih kurang faham dengan pentadbiran harta selain faraid. Analisis mendapati min bagi pentadbiran harta selain faraid adalah 3.93. Mohd Nasran Mohamad (2002) menyatakan bahawa pembahagian harta melalui sistem faraid bukan merupakan amalan kebajikan tetapi pembahagian harta melalui wasiat, hibah dan waqaf lebih berbentuk kebajikan. Oleh itu, kefahaman pelajar penting untuk menyebarkan pembahagian-pembahagian harta dalam kehidupan, supaya tidak tersasar pentafsirannya.

Halangan dalam ilmu faraid perlu difahami oleh pelajar supaya tidak terjadi kekeliruan dalam memahami pentadbiran atau pelaksanaan pembahagian harta melalui sistem faraid. Majoriti responden kurang faham dengan item yang dikemukakan iaitu dengan min sebanyak 3.33 di mana berada pada tahap sederhana. Menurut Wan Abdul Halim Wan Harun (2006), pewaris yang murtad tidak berhak mewarisi pusaka pemilik harta yang beragama Islam. Jumhur berpendapat, harta orang-orang murtad tidak boleh diwarisi tetapi dikembalikan kepada Baitul Mal dan dinamakan harta fai' (harta rampasan). Justeru, pelajar perlu memahami halangan-halangan yang terdapat dalam sistem pelaksanaan faraid supaya agama Islam dapat ditegakkan.

Dapatan kajian menunjukkan min terendah iaitu 3.27 bagi kefahaman pelajar berkenaan pembahagian harta pusaka berdasarkan faraid. Pelajar masih keliru dengan pembahagian yang telah termaktub dalam al-Quran menjelaskan dengan terperinci. Menurut Abulhassan Muhammad Sadeq (2003), bahawa Islam mengemukakan system untuk mengagih-agihkan warisan yang unik di kalangan saudara-mara berdasarkan keakraban atau dekatnya pertalian hubungan. Menurut undang-undang warisan Islam, semua anak si mati akan mendapat bahagian yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T tanpa merujuk kepada umur dan jantina anak tersebut. Oleh yang demikian, pelajar perlu mengetahui dan memahami berkenaan pembahagian harta pusaka berdasarkan faraid ini.

Secara keseluruhannya, responden kurang memahami ilmu faraid. Analisis mendapati responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan namun masih terdapat segelintir responden kurang bersetuju yang boleh dikelaskan tidak faham dengan ilmu faraid. Tahap min bagi semua pernyataan adalah berada pada tahap sederhana.

Bahagian B3: Persepsi Pelajar Berkaitan Kepentingan Ilmu Faraid Dalam Kehidupan.

Berdasarkan dapatan kajian yang dianalisis, majoriti responden mengakui bahawa pentingnya ilmu faraid dalam kehidupan. Min bagi persoalan kajian yang ketiga adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.55.

Analisis mendapati bahawa majoriti responden berpandangan bahawa ilmu faraid penting dalam menstabilkan institusi kekeluargaan. Kenyataan ini memperoleh min 4.65 adalah min tertinggi bagi objektif ketiga iaitu persepsi pelajar berkaitan kepentingan ilmu faraid. Selaras dengan pendapat Wan Abdul Halim Wan Harun (2006), bahawa ilmu faraid dapat menghindarkan kita daripada merampas atau memiliki tanah atau harta kepunyaan orang lain terutamanya saudara-saudara sendiri. Pun begitu, ilmu

faraid juga dapat menghindari salah faham dan pertelingkahan di kalangan waris yang boleh membawa kepada putusny silaturahim dan memporak-perandakan institusi keluarga.

Dapatan kajian mendapati responden bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang diajukan dalam bahagian kedudukan ilmu faraid. Kenyataan ini memperolehi min sebanyak 4.39. Analisis ini bertepatan dengan hadis Rasulullah seperti berikut:

Al-Hakim meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَعْلَمُوا الْقُرْآنَ وَعَلِّمُوهُ النَّاسَ وَتَعْلَمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُوهُ النَّاسَ ،
فَإِنِّي أَمْرٌ مَقْبُوضٌ ، وَإِنَّ الْعِلْمَ سَيَقْبُضُ ، وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ حَتَّى
يَخْتَلِفُ الْإِثْنَانُ فِي الْفَرِيضَةِ لَا يَجِدَانِ مِنْ يَقْضَى بِهَا

Maksudnya: Pelajarilah al-Quran dan ajarkanlah ia kepada manusia, dan pelajarilah faraid serta ajarkanlah ia kepada manusia. Sesungguhnya aku adalah manusia yang akan digenggam (diwafatkan) dan sesungguhnya ilmu tersebut akan digenggam (dicabut), dan nanti akan timbul fitnah-fitnah, sehingga dua orang berselisih mengenai pembahagian harta pusaka, dan tidak ada orang yang dapat menyelesaikan antara keduanya.

Manakala bagi aspek negara pula, analisis mendapati responden bersetuju dengan setiap item yang dikemukakan dengan min 4.6. berdasarkan kepada analisis, responden bersetuju bahawa keharmonian dalam negara perlu diwujudkan dan kemunduran perlu dielakkan. Kenyataan ini menyokong pendapat M. Umer Chapra (2005) bahawa jika nilai-nilai Islam dikuatkuasakan dan sistem pewarisnya dilaksanakan dengan berkesan, maka keadilan akan terlaksana serta terpelihara dalam urusan pengagihan kekayaan dalam sesebuah masyarakat Islam. Secara keseluruhannya, responden bersetuju dengan ke semua item yang dikemukakan dalam aspek kepentingan ilmu faraid dalam kehidupan dengan min 4.55 yang merupakan min tertinggi antara semua objektif kajian.

Rumusan

Bagi persoalan kajian pertama didapati secara keseluruhannya pengetahuan pelajar terhadap ilmu faraid berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.22. Ini menunjukkan pelajar mengetahui berkenaan ilmu faraid. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mengetahui konsep ilmu faraid yang terdiri dari maksud ilmu faraid namun masih kurang yakin berkenaan sumber tuntutan ilmu faraid di mana min sebanyak 4.22. Walau bagaimanapun, pengetahuan responden mengenai syarat-syarat dan sebab-sebab pembahagian harta seperti perkahwinan dan pertalian keluarga berada pada tahap tinggi dengan min 4.30. Di samping itu, pelajar mengetahui berkenaan penentuan ahli waris terbahagi kepada dua bahagian iaitu ahli waris *ashab al-Furud* dan ahli waris *'asabah*. Min bagi tema ini adalah sebanyak 4.15 antara min terendah bagi persoalan kajian pertama.

Bagi persoalan kajian kedua, secara keseluruhannya bagi kefahaman pelajar terhadap ilmu faraid adalah berada pada tahap yang sederhana dengan min 3.53. Dapatan kajian menunjukkan pelajar kurang memahami ilmu faraid walaupun mengetahui asas-asas ilmu faraid. Analisis menunjukkan majoriti pelajar memahami mengenai pentadbiran harta selain sistem faraid, namun begitu masih terdapat segelintir pelajar yang kurang faham berkenaan aspek ini. Min bagi kefahaman pelajar berkenaan pentadbiran harta selain faraid adalah di tahap tinggi iaitu 3.93. Walau bagaimanapun, analisis mendapati kefahaman pelajar mengenai halangan dalam ilmu faraid berada pada tahap sederhana iaitu pada min

3.33. Sehubungan itu, pelajar masih keliru dengan pembahagian harta pusaka berdasarkan faraid dengan memperoleh min terendah iaitu 3.27. Ini adalah min terendah bagi persolan kajian kedua ini.

Bagi persoalan kajian ketiga, pelajar mengakui bahawa pentingnya ilmu faraid dalam kehidupan dengan min keseluruhan 4.55 berada pada tahap tertinggi bagi semua persoalan kajian. Pelajar mengakui bahawa ilmu faraid diperlukan untuk menstabilkan institusi kekeluargaan seperti menjauhkan perbalahan sesama ahli keluarga dan mengelakkan terputusnya silaturahim dengan min 4.65 berada pada tahap tertinggi dari semua aspek. Di samping itu, kedudukan ilmu faraid juga diakui oleh pelajar akan kepentingannya dengan min sebanyak 4.39. Pun begitu, pelajar juga mengakui ilmu faraid diperlukan supaya keadilan akan terlaksana serta terpelihara dalam urusan pengagihan kekayaan dalam sesebuah masyarakat Islam.

Rujukan

Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin (2001). *Perbahasan Usul Al-Ahkam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Kadir Bin Ismail (1983). *Sistem Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Abdul Monir Yaacob (1998). *Wasiat: Konsep dan Perundangan. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pentadbiran Harta Menurut Islam*, di Dewan Besar, IKIM, Kuala Lumpur, 16-17 November 1998.

Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff (2004). *Undang-Undang Pusaka Dalam Islam, Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abulhassan Muhammad Sadeq (2003). *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Ahmad Hidayat Buang (2007). *Jangan Tinggalkan Waris Yang Daif*. <http://www.utusan.com.my>, 10 Ogos 2007. Amir Husian Mohd Nor, Abdul Basir Mohamad, Mohd Nasran Mohamad, & Zaini

Nasohah (2002). *Falsafah Perundangan Islam*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fawzi Kassim (2001). *Tuke Judi 4-Nombor Ekor Saman Anak Sendiri*. <http://www.mailarchire.com/hizb@hizbi.net/msg22604.html>, 10 Ogos 2007.

Hailani Muji Tahir (1988). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Institusi Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KH. Adib Bisri Musthofa (1999). *Terj. Shahih Muslim, Jilid 3*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Mahmud Muhammad Babilli Terj. Ismail Bin Mohd. Hassan (1988). *Ekonomi Dari Kacamata Islam*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu. Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Shukri Jusoh (2004). *Undang-Undang dan Pelaksanaan Wasiat Wajibah di Beberapa Negara Islam: Kajian Perbandingan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Sofee Razak (2007). *Wasiat Instrumen Bijak Pengurusan Harta*. <http://www.bharian.com.my>, 10 Ogos 2007.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Abdul Mannan (1989). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis (Asas-Asas Ekonomi Islam)*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Musa Fathullah Harun (1994). *Masalah Wasiat Dan Faraid*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (2005). *Kitab Fikah Mazhab Stafie, Wakaf, Wasiat, Faraid, Jilid 5*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.